

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMPENA  
PERASMIAN HARI GURU DI DEWAN TUNKU  
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA  
16HB MEI, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri Pelajaran, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Hari Guru kerana menjemput saya ke upacara perasmian Hari Guru pagi ini. Saya berasa sungguh gembira dan bangga kerana dapat bersama-sama dengan guru-guru yang begitu ramai hari ini.

Hari Guru adalah satu hari yang sangat kena pada tempatnya bagi mengenang jasa dan khidmat bakti ahli-ahli pendidik yang menjalankan tugas mereka secara diam-diam untuk menentukan supaya jenerasi akan datang boleh mengambil alih tugas dan tanggungjawab dari jenerasi kita dalam jangkamasa yang singkat. Pendidikan memang menjadi tumpuan perhatian saya sendiri oleh kerana inilah tugas ulung saya dahulu sebagai Menteri Pelajaran pertama Kerajaan dari tahun 1955-1957. Kita perlu mengingat betapa pentingnya pendidikan dalam pembangunan negara untuk membina satu bangsa Malaysia yang kuat, maju dan bersatu padu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pelajaran adalah hak asasi bagi setiap rakyat. Dengan tujuan hendak menjadikan hak ini suatu kenyataan yang bermakna, Kerajaan hari ini telah memperuntukkan wang dan lain-lain kemudahan, hinggakan bidang pelajaran merupakan bahagian terbesar dari belanjawan negara kita. Kerajaan menganggap perbelanjaan ini adalah pelaburan negara yang mustahak oleh kerana masa depan negara ini bergantung pada kemampuan Sistem Pelajaran Kebangsaan menghasilkan warganegara yang berkelayakan bukan sahaja untuk mengambil alih pimpinan dari kita, tetapi untuk menambahkan lagi kejayaan-kejayaan itu di masa hadapan.

Kemajuan yang telah dicapai dalam bidang pelajaran sangat jauh bezanya dari kedudukan pada tahun 1957 dulu, akan tetapi kita tidaklah seharusnya berpuas hati dengan keadaan itu. Kanak-kanak hari ini dijamin mendapat sembilan tahun pendidikan

serta mempunyai kemudahan-kemudahan yang banyak dan guru-guru yang lebih baik dan terlatih dari masa lampau. Dari segi mental dan fizikal mereka adalah lebih sihat dari dahulu kerana mendapat makanan yang mempunyai zat yang lebih. Oleh itu patutlah mereka memandangkan masa depan mereka dengan penuh harapan.

Walaupun terdapat banyak kemajuan yang positif, kerajaan sentiasa sedar akan masalah-masalah yang berkaitan dengan pembahagian kekayaan dan peluang yang tidak sama berpunca dari faktor-faktor dalam masyarakat kita sendiri. Setengah daripada masalah-masalah ini telahpun ditegaskan dalam Kajian Keciciran Murid-murid. Langkah-langkah seperti penubuhan sekolah-sekolah sains yang berasrama penuh, menambah bilangan tempat-tempat di asrama sekolah-sekolah biasa, rancangan bantuan buku-buku teks di semua sekolah dan lain-lain lagi telahpun diambil untuk menentukan agar setiap kanak-kanak mempunyai peluang yang sama dan adil untuk membina potensi yang sepenuhnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pendidikan yang sempurna memerlukan bukan sahaja kemudahan-kemudahan fizikal dan kewangan tetapi juga suatu sistem pelajaran yang dinamis dan menepati segala keperluan negara. Oleh yang demikian, perkara ini hendaklah sentiasa diawasi supaya jangan berlaku sesuatu keadaan yang tidak sihat di mana lepasan sekolah tidak dapat menampung keperluan masyarakat. Pada masa ini kita maklum, Kerajaan sedang melaksanakan rancangan mempelbagaikan ekonomi, khususnya terhadap pembangunan perindustrian. Kita bersyukur oleh kerana adanya keadaan yang stabil dan sesuai dalam negara, bidang perindustrian ini sedang berkembang dengan pesatnya di bandar-bandar besar dan kecil.

Pertumbuhan di bidang perindustrian dan perkembangan di lain-lain bidang seperti pertanian dan perdagangan telah menggerakkan usaha untuk mencari sumber-sumber alam yang belum lagi dijumpai dan digunakan. Perkembangan ini memerlukan tenaga manusia yang mahir dan terlatih seperti artisan, technician, jurutera, arkitek, doktor, ahli sains, jurukira, pentadbir dan seterusnya.

Begitu juga kita bersyukur taraf hidup bagi seluruh negara telah meningkat dan permintaan untuk barang-barang dan perkhidmatan telah menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan serta permintaan tenaga manusia yang mahir. Kemampuan kita untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat bergantung kepada kemampuan sistem pendidikan kita memenuhi keperluan tenaga manusia yang terlatih dalam semua bidang, terutama lapangan sains dan teknologi. Kita maklum, sains dan teknologi hampir sejajar usianya dengan wujudnya manusia di dunia ini, namun adalah nyata bahawa kemajuan hari ini memerlukan taraf kelayakan dan specialization yang tinggi. Keadaan masyarakat di mana-mana termasuk masyarakat kita hari ini menunjukkan keadaan saling bantu-membantu untuk faedah bersama. Tidak ada seorang yang boleh memenuhi keperluannya sendiri bahkan setiap anggota masyarakat sandar menyandar atau inter-dependent sambil menjalankan peranan masing-masing samada sebagai petani, pedagang, buruh, ahli professional dan seterusnya.

Perindustrian dengan sendirinya membawa perubahan. Pada masa lalu, sebahagian besar daripada barang-barang buatan yang diperlukan telah diimport tetapi sekarang ini adalah dikilang atau dipasang oleh kita sendiri. Kita tidak boleh, bahkan tidak mahu lagi mengimport barang-barang keperluan, sebaliknya kita mestilah menjadi sebuah negara pereka barang-barang baru dan mengeksport barang-barang itu ke negara-negara lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Memandang jauh ke hadapan, bagi menjamin kejayaan mencapai matalamat negara, berbagai langkah telah diambil untuk menambah lagi bilangan tempat-tempat yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi untuk memenuhi keperluan yang semakin bertambah bagi pakar-pakar sains, doktor, jurutera, akitek dan guru-guru sains khasnya. Focus pendidikan hendaklah ditumpu kepada bidang sains dan teknologi. Saya sungguh gembira kerana tuan-tuan dan puan-puan telah memilih 'PERANAN GURU-GURU DALAM ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOJI' sebagai tema Hari Guru tahun ini. Kemajuan dan kemakmuran negara kita bergantung di atas keupayaan kita menghadapi cabaran-cabaran sains dan teknologi terhadap masyarakat sekarang dan akan datang.

Tidak syak lagi perkembangan dalam bidang perindustrian dan pendidikan akan menuju ke arah proses urbanisasi yang lebih

luas. Kebebasan sosial, perubahan structure ekonomi serta suasana masyarakat bandar turut berkesan mengubah corak dan suasana masyarakat tradisional dan meluaskan lagi scope perindustrian sebagaimana yang terdapat di negara-negara maju.

Saya harap tuan-tuan dan puan-puan para pendidik di negara ini akan menimbulkan minat dan memupuk sikap baru di kalangan kanak-kanak supaya mereka boleh menyesuaikan diri dan menggunakan aspek-aspek yang baik daripada negara-negara maju dan menolak aspek-aspek yang boleh merosakkan. Kejayaan bidang akademik mestilah berhubung rapat dengan latihan watak atau "character training". Inilah yang sering saya tegaskan dalam usaha kita mengimbangkan kemajuan fizikal serentak dengan kemajuan spiritual. Oleh kerana negara kita masih dalam proses pembangunan, kita hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjauhkan daripada kecemaran spiritual dan moral yang telah menjejaskan masyarakat negara-negara maju. Kita mesti menjauhkan unsur-unsur yang tidak diinginkan dengan mempelajari dari pengalaman negara-negara lain, sambil menyesuaikan keperluan masyarakat kita sendiri.

Saya menaruh harapan yang ikhlas bahawa dalam Seminar ini tuan-tuan dan puan-puan akan meneliti sepenuhnya berbagai aspek peranan guru dalam zaman sains dan teknologi kerana ini amatlah kena pada waktu negara kita yang sedang membangun menjadi sebuah negara moden.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pengelola Hari Guru dan juga Kementerian Pelajaran kerana susunan acara yang baik dalam Perayaan Hari Guru tahun ini. Begitu juga, mengenai seminar dan pamiran lukisan yang julung kali diadakan serta lambang dan lagu untuk Hari Guru adalah kemajuan penting yang terdapat tahun ini. Saya yakin bahawa semuanya ini, dan juga Ikrar Hari Guru akan menaburkan semangat baru serta mengingatkan kita semua tentang peranan penting para pendidik dalam pembangunan negara.

Sekarang dengan segala sukacitanya saya merasmikan Perayaan Hari Guru serta Seminar dan Pamiran Lukisan yang diadakan itu sambil mendoakan semoga berjaya.